

01/07/2002

Britain yakin peralihan kuasa tidak jejas hubungan dua hala

IPOH, Ahad - Britain yakin proses peralihan kuasa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tahun depan tidak akan menjejaskan hubungan dua hala.

Pesuruhjaya Tinggi British di Malaysia, Bruce Elliot Cleghorn, berkata Britain juga tidak meramal banyak perubahan dasar, terutama aspek pembangunan ekonomi apabila Abdullah mengambil alih kepimpinan negara.

"Britain menantikan kesinambungan hubungan antara kedua-dua negara dan hubungan itu akan kekal kukuh walaupun kepemimpinan Malaysia bertukar," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali di sini, petang semalam.

Turut hadir, isteri Cleghorn, Sally Cleghorn.

Cleghorn diminta mengulas bagaimana Britain melihat pengunduran Dr Mahathir, terutama hubungan dua hala selain pengaruh Perdana Menteri sebagai penggerak utama hubungan London-Kuala Lumpur sejak dua dekad lalu.

Katanya, hubungan dua hala antara Britain dan Malaysia kukuh sejak dulu.

"Tidak dinafikan faktor utama hubungan Malaysia dan Britain ialah keakraban kedua-dua Perdana Menteri.

"Hubungan kedua-dua negara terus erat apabila Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri tetapi apabila beliau memutuskan berundur, kita yakin hubungan dengan Abdullah juga erat," katanya

Cleghorn berkata, faktor `gerak kerja kumpulan' dalam pentadbiran Dr Mahathir membolehkan Malaysia mendapat limpahan pembangunan ekonomi dengan kemasukan pelabur dari Britain dan negara lain.

"Tidak dinafikan Dr Mahathir banyak memberi sumbangan sepanjang lebih 20 tahun menjadi Perdana Menteri tetapi jika ditanya kepadanya, beliau mungkin mengatakan ini hasil sumbangan semua orang," katanya.

Cleghorn berkata, Britain juga menyifatkan Malaysia negara yang stabil dan paling pesat membangun di rantau ini, sekali gus menjadi landasan terbaik meluaskan potensi pelaburan di rantau Asia Tenggara dan Asia Pasifik.

"Pelabur di Britain sentiasa berminat menanam modal di Malaysia, terutama dalam bidang baru.

"Sejak setahun lalu, banyak syarikat besar seperti British Petroleum (BP) dan Tesco melabur di Malaysia membabitkan modal beratus-ratus juta ringgit," katanya.